

EDISI  
JUN 2026



Untuk  
layari laman  
sesawang wadah  
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



# NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



# TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MAQASID HAJI MENANAM SEMANGAT KESATUAN UMAT MENANGANI ANCAMAN GLOBAL

**DATO' AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN  
PRESIDEN WADAH PENCERDASAN UMAT  
MALAYSIA (WADAH)**

### AL-HAJJU ARAFAH: HAJI SEBAGAI MANIFESTASI KESATUAN UMAT

Dalam takwim Islam, tiada hari yang lebih meng-insafkan tentang hakikat kesatuan umat selain **Hari Arafah**. Pada tanggal **9 Zulhijjah**, jutaan manusia daripada pelbagai bangsa, bahasa, budaya dan kedudukan sosial berhimpun di **Padang Arafah** dengan satu pakaian, satu kiblat, satu doa dan satu tujuan: mencari keredaan Allah SWT. Perhimpunan ini bukan sekadar kemuncak ibadah haji, tetapi manifestasi praktikal visi Islam tentang perpaduan, persamaan dan persaudaraan sejagat.

Rasulullah SAW bersabda:

الْحَجُّ عَرَفَةٌ

“Haji itu adalah Arafah.”

(Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini menggambarkan betapa pentingnya detik perhimpunan di Arafah sebagai simbol penyatuan umat manusia di bawah naungan tauhid. Dalam dunia yang berhadapan dengan ketidakpastian geopolitik, perebutan sumber tenaga, peperangan, perubahan iklim, kemiskinan dan ketidakadilan ekonomi, **maqasid haji** menawarkan kerangka penyelesaian yang amat relevan.

Haji bukan sekadar ritual penyucian dosa individu. Ia merupakan **madrasah rabbaniyyah** yang mendidik umat Islam membangunkan tiga tunggak utama kekuatan ummah, iaitu **Wahdatul Qalb** atau kesatuan hati, **Wahdatul Fikr** atau kesatuan pemikiran, dan **Wahdatul Amal** atau kesatuan tindakan. Ketiga-tiga dimensi ini merupakan jawapan strategik terhadap ancaman global yang mengugut kestabilan dunia dan masa depan umat manusia.



### WAHDATUL QALB: MENAUTKAN HATI MENGHADAPI KRISIS TENAGA DAN KRISIS KEMANUSIAAN

Dimensi pertama ini berakar umbi pada firman Allah SWT:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ  
جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ

“Dan Dialah yang mempersatukan hati mereka. Walaupun engkau membelanjakan segala yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat mempersatukan hati mereka, tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka.”

(Surah al-Anfal: 63)

Ayat ini menegaskan bahawa kesatuan hati bukanlah hasil transaksi material, tetapi lahir daripada keimanan dan ketakwaan yang tulus. Di Arafah, manusia daripada pelbagai bangsa dan warna kulit meleburkan perbezaan dalam ihram putih yang seragam. Mereka berdoa dan bermunajat dalam bahasa hati yang satu. Inilah manifestasi **Wahdatul Qalb**.

Kesatuan hati penting dalam menghadapi krisis tenaga dan kemanusiaan global. Perebutan minyak, gas, mineral nadir bumi dan sumber air telah menjadi punca pertelingkahan geopolitik, penjajahan ekonomi bentuk

baharu dan peperangan yang berpanjangan. Dengan semangat **Wahdatul Qalb**, negara-negara Islam sewajarnya menggembelng sumber tenaga secara kolektif untuk kesejahteraan bersama berasaskan keadilan dan perkongsi-an lestari.

Lebih daripada itu, **Wahdatul Qalb** mengajar solidariti kemanusiaan sejagat. Ketika dunia menyaksikan penderitaan rakyat Palestin, konflik di Sudan, Syria dan wilayah lain, semangat Arafah mengingatkan bahawa penderitaan sebahagian umat adalah penderitaan seluruh umat.

### WAHDATUL FIKR: MELURUSKAN PEMIKIRAN MENANGANI KRISIS POLITIK DAN RASUAH

Dimensi kedua ialah Wahdatul Fikr, iaitu kesatuan pemikiran yang berpaksikan wahyu dan nilai-nilai syura.

Allah SWT berfirman:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

“Dan berpegang teguhlah kamu semuanya kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.”

(Surah Ali Imran: 103)

Semasa haji, jutaan umat Islam bergerak dalam satu kerangka masa dan ruang yang sama; wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, melontar di Mina dan bertawaf di Baitullah. Keseragaman ini melambangkan penyatuan orientasi pemikiran menuju matlamat yang satu, iaitu ke-redaan Allah SWT.

Hari ini, dunia Islam berhadapan dengan krisis politik, konflik dalaman, campur tangan asing, perebutan kuasa, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pengkhianatan terhadap amanah rakyat. Rasuah bukan sekadar jenayah pentadbiran, bahkan pengkhianatan terhadap **maqasid syariah** kerana ia merosakkan keadilan, membebankan rakyat dan menghancurkan kepercayaan terhadap institusi negara.

Haji mengajar disiplin, integriti dan kepatuhan terhadap peraturan. Nilai ini perlu diterapkan dalam tadbir urus negara dan masyarakat. Selain itu, dalam menghadapi perang maklumat, berita palsu dan manipulasi media, **Wahdatul Fikr** menuntut umat Islam kembali kepada budaya ilmu, tabayyun dan pemikiran kritis yang dipandu wahyu.

### WAHDATUL AMAL: KESATUAN TINDAKAN MENDEPANI ANCAMAN GEOPOLITIK DAN KUASA BESAR

Dimensi ketiga ialah Wahdatul Amal, iaitu kesatuan tindakan yang terancang dan kolektif.

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَّرْصُومٌ

“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan yang tersusun kukuh seperti sebuah bangunan yang tersusun rapi.”

(Surah al-Saff: 4)

Manasik haji sarat dengan simbolisme tindakan kolektif. Tawaf menggambarkan kesatuan orbit umat yang berpusatkan tauhid, manakala melontar jamrah melambangkan penolakan bersama terhadap kezaliman, godaan dan kerosakan yang mengancam manusia.

Hari ini, dunia mengalami perubahan besar dalam struktur kuasa global. Persaingan kuasa besar dalam perdagangan, teknologi kecerdasan buatan, keselamatan siber, sumber tenaga dan laluan perdagangan antarabangsa sedang membentuk semula landskap dunia. Tanpa kesatuan tindakan, umat Islam akan terus berada dalam kedudukan yang lemah dan bergantung kepada pihak lain.

Semangat **Wahdatul Amal** menuntut negara-negara Islam memperkukuh kerjasama dalam bidang ekonomi, pendidikan, penyelidikan, teknologi, pertahanan dan diplomasi. Organisasi Kerjasama Islam (OIC) juga perlu diperkasakan sebagai institusi strategik yang mampu mempertahankan kepentingan umat Islam di peringkat antarabangsa.

### Haji Sebagai Sekolah Peradaban Madani

Padang Arafah sesungguhnya merupakan miniatur dunia yang memperlihatkan bagaimana manusia yang pelbagai mampu hidup dalam suasana aman, tertib dan saling menghormati apabila dipandu oleh nilai tauhid.

Jika jutaan manusia dapat berhimpun tanpa mengira bangsa, warna kulit, bahasa dan kewarganegaraan dalam satu sistem yang tersusun sepanjang musim haji, maka tidak ada alasan untuk umat manusia terus terperangkap dalam konflik perkauman, ekstremisme, rasuah, ketidakadilan dan peperangan yang memusnahkan masa depan generasi akan datang.

Dalam konteks **Malaysia MADANI** dan agenda **Peradaban Madani**, semangat haji mengajar bahawa pembangunan negara tidak boleh hanya diukur melalui pertumbuhan ekonomi semata-mata. Ia mesti diasaskan kepada nilai kemanusiaan, integriti, keadilan sosial, ilmu, ihsan dan kesejahteraan bersama.

### Penutup

Hari Arafah mengingatkan kita bahawa kekuatan umat Islam tidak terletak semata-mata pada jumlah penduduk atau kekayaan sumber alam, tetapi pada kemampuan untuk menyatukan hati, menyelaraskan pemikiran dan menyusun tindakan secara kolektif. Inilah roh sebenar maqasid haji yang perlu diterjemahkan dalam kehidupan individu, masyarakat, negara dan hubungan antarabangsa.

Semangat Arafah menuntut kita memperkukuh solidariti kemanusiaan, membina budaya integriti dan amanah, memperkasa institusi kerjasama dunia Islam, memajukan sains dan teknologi, serta memperjuangkan keadilan sejagat berasaskan nilai rahmah dan hikmah.

Marilah kita menjadikan haji bukan sekadar ibadah musiman, tetapi sebuah sekolah peradaban yang melahirkan umat yang bersatu, berwawasan dan berkeupayaan memimpin dunia ke arah keamanan dan kesejahteraan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ

# INTEGRITI MEMBINA NEGARA, AMANAH MEMPERKASA UMMAH



**W**ADAH, setelah dua dekad berjuang, tidak boleh lagi hanya menjadi penonton. Sebagai gerakan islah, ia wajib berada di barisan hadapan menentang rasuah dan krisis integriti, kerana tadbir urus yang bersih adalah teras peradaban. Desakan yang berani dan objektif perlu dibuat demi masa depan negara yang diredhai Allah.

## Perubahan Komitmen: Anti-Rasuah Tanpa Kompromi

• Seaktif mana dakwah digerakkan, ia tetap lumpuh jika sistem sekelilingnya dicemari rasuah. Kerajaan MADANI di bawah DS Anwar Ibrahim telah mengubah arus dengan pendirian "tiada toleransi" — keadilan ditegakkan tanpa pandang bulu, kawan atau lawan tetap dilayan sama rata. Berpandukan Surah Al-Ma'idah Ayat 8 dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009, tindakan tegas diambil tanpa mengira pangkat atau hubungan. Bukan sekadar kes-kes kecil, DS Anwar bertegas pihak berkuasa memburu "ikan yu" iaitu pesalah rasuah korporat besar yang berpengaruh tinggi dengan kadar segera dengan adanya Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Keberanian dan kesungguhan ini memerlukan pemantauan rakyat yang berterusan — agar tiada kes yang terlepas dan setiap hukuman setimpal disegerakan tanpa bertangguh.

## Perubahan Dasar dan pengukuhan Institusi Utama

Beberapa perubahan dasar utama telah dilaksanakan bagi mengukuhkan tadbir urus dan menyokong agenda anti-rasuah:

- **Peningkatan Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI):** Hasil ketegasan ini membuahkan hasil apabila Malaysia melonjak ke kedudukan ke-54 pada tahun 2025 dengan skor meningkat kepada 52, mencerminkan keyakinan pelabur dan peningkatan dalam tadbir urus.
- **Pelancaran Sistem SPINE:** Kerajaan melancarkan Sistem Pengurusan Integriti dan Tadbir Urus (SPINE) sebagai inisiatif strategik menggantikan piawaian antarabangsa (ISO 37001). Sistem ini menilai kesihatan integriti organisasi secara menyeluruh di sektor awam untuk mengenal pasti kelemahan dan melaksanakan pembetulan.
- **Pemulihan Hasil Negara:** Tindakan tegas telah berjaya memulihkan lebih RM15.5 bilion hasil negara melalui rampasan aset, tindakan mahkamah, dan pembanterasan sindiket ketirisan bertahun-tahun.

Keberhasilan pemulihan ini dipacu oleh penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA - Akta 613) yang menyita kembali harta pusaka rakyat yang dirompak.

- **Pemerkasaan Budaya Pemberi Maklumat (Whistleblower):** Agenda membasmi ketirisan tidak akan tuntas sekiranya saksi dan pemberi maklumat hidup dalam ketakutan.

Berlandaskan prinsip MADANI yang menekankan integriti moral, DS Anwar menegaskan bahawa rasuah adalah pengkhianatan terhadap amanah yang bukan sahaja jenayah undang-undang tetapi juga bertentangan dengan perintah Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 58 serta hadis Rasulullah SAW yang melaknat pemberi dan penerima rasuah. Pendekatan tegas ini, termasuk tindakan terhadap tokoh besar, membina semula kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan dan menyelamatkan wang rakyat untuk kebajikan bersama, sekaligus mendapat kepuasan daripada golongan marhaen yang paling terkesan dengan penyelewengan pemimpin berkuasa.

**Harapan dan Cabaran :** Berikutan tamatnya kontrak bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, pelantikan pengganti harus menjadi titik tolak untuk kecekapan yang lebih tinggi. Walaupun SPRM semasa KP sebelum ini berjaya merekodkan pemulihan aset besar dan melibatkan kes skala besar, keberanian era beliau tidak lepas dari bayangan kritikan. Pengganti beliau perlu meneruskan dan memastikan siasatan selesai dalam tempoh munasabah tanpa bertangguh, menunjukkan tiada perlindungan kepada individu yang bersekongkol dengan nama politik, dan memastikan "kadar sabitan" yang tinggi di mahkamah mengikut standard kes seperti 1MDB. WADAH akan terus bersuara agar rasuah diperangi tanpa tolak ansur.

Integriti membina negara, perangi rasuah bagaikan dua sisi pedang cahaya yang tidak pernah tumpul—menebas segala akar kebusukan yang merayap dalam bayang-bayang kuasa. Ia adalah jiwa yang jernih di tengah lautan godaan, tangan yang lurus menggapai keadilan, dan suara yang lantang menggugat kelicikan yang menyamar. Perangi rasuah bukan sekadar maruah bangsa; setiap tolakan terhadap sogokan adalah batu bata kukuh yang mendirikan tembok negara yang tidak akan

runtuh dihempas badai zaman. Dengan integriti sebagai bintang pemandu, kita berjalan tanpa goyah, mengangkat amanah rakyat sebagai mahkota yang paling mulia.

**Anjakan Kekuatan Kolektif: Memperhebat Kempen Keahlian WADAH di Negeri-Negeri :** Perjuangan suci perlukan saf yang besar, bukan kecil atau sekadar mendatar. Saya menyeru seluruh kepimpinan dan penggerak WADAH negeri untuk melancarkan Kempen Keahlian secara agresif, tersusun dan meluas. Keahlian yang besar bukan untuk bermegah dengan kuantiti, tetapi untuk memberikan impak serta tekanan moral yang lebih besar kepada pembuat dasar dalam menuntun reformasi institusi. Selain itu, kempen ini penting bagi kesinambungan kaderisasi perjuangan, terutama untuk menarik lebih banyak darah muda yang segar dan bervisi sebagai lapisan pengganti yang ampuh melalui platform tarbiah dan latihan..

**Istiqamah memikul amanah perjuangan** adalah seperti sang surya yang tak pernah jemu menyinari bumi, meski badai mendera dan malam berganti. Ia adalah denyut nadi para pejuang yang menjejakan kaki di atas duri, menapaki jalan terjal dengan dada yang penuh keyakinan dan hati yang menyala-nyala. Beban yang dipikul, bukanlah ratapan, melainkan mahkasa suci dari cita-cita yang diwariskan para pendahulu. Setiap titis keringat adalah syair pengorbanan, setiap hentakan langkah adalah doa yang menggoncang genggam zaman. Maka teruslah melangkah, wahai pemikul amanah! Istiqamah bukan hanya tentang bertahan, tetapi tentang bagaimana nyala api perjuangan itu tetap berkobar, menerangi kegelapan, dan menginspirasi ribuan mata yang menatap harap. Sebab, di ujung jalan panjang ini, kejayaan tidak akan pernah mengkhianati mereka yang setia dengan panggilan jiwanya.

## DAURAH KERJA STAF WADAH 2026 PACU PROFESIONALISME DAN ROH KADER DAKWAH



**12-13 MEI 2026, BANGI** — Daurah Kerja Staf WADAH Pusat 2026 telah berlangsung di D' Gateway Perdana Hotel, Bandar Baru Bangi, sebagai ruang penyelarasan dalaman bagi membawa budaya kerja Sekretariat WADAH Pusat ke tahap yang lebih tersusun, berfokus dan berimpak. Program dua hari ini menghimpunkan warga kerja WADAH Pusat melalui beberapa sesi penting merangkumi hala tuju pasukan, struktur organisasi, Sasaran Kerja Tahunan (SKT), KPI, SOP, pengurusan fail dan penyediaan laporan program.



➤ Dalam sesi “SWP to the Next Level Team”, Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, menggariskan keperluan membawa WADAH ke tahap seterusnya melalui pengukuhan budaya kerja, pencapaian KPI, peluasan keahlian serta peningkatan visibiliti organisasi. Beliau turut mengetengahkan pendekatan TODC, iaitu Training, Organizing, Directing dan Coordinating, sebagai kerangka kerja bagi memastikan setiap jabatan, unit dan warga kerja bergerak seiring dengan matlamat besar organisasi.

➤ Program turut menampilkan slot Tuan Haji Farid Faiz bertajuk “Budaya Kerja Gerakan Islam dan Analisis SWOT”, yang memberi penekanan kepada nilai dan disiplin kerja dalam gerakan, cabaran semasa organisasi, analisis SWOT WADAH serta keperluan pembaharuan gerak kerja. Slot ini menjadi antara pengisian penting dalam membantu staf menilai kekuatan, kelemahan dan ruang penambahbaikan organisasi secara lebih jujur dan tersusun.



➤ Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Abd Rahman, pula menekankan bahawa staf WADAH bukan sekadar pekerja biasa, tetapi kader dakwah yang memikul amanah perjuangan, dengan kerja organisasi dilihat sebagai ibadah dan medan pembinaan diri. Daurah ini turut mengangkat agenda

transformasi sekretariat WADAH sebagai “Jantung Operasi Gerakan” yang berpaksikan profesionalisme, kecekapan, budaya kerja beracuankan AI dan keberhasilan berimpak tinggi, sebelum diakhiri dengan sesi penutup oleh Penolong Setiausaha Agung WADAH, Khairul Arifin Mohd Munir.



## WADAH SERTAI MULTAQQA PETUGAS JAMAAH, YKPJ RAIKAN KESETIAAN DAN BAKTI WARGA KERJA GERAKAN

**16 MEI 2026, KUALA LUMPUR** — Warga kerja WADAH telah menghadiri Multaqa Petugas Jamaah anjuran Yayasan Kebajikan Petugas Jamaah (YKPJ), yang menghimpunkan petugas jamaah daripada pelbagai agensi di bawah WAP dalam suasana penuh ukhuwah. Program ini menjadi medan penting untuk menyatukan saf penggerak, mempererat solidariti serta menghargai sumbangan warga kerja yang selama ini berkhidmat di belakang tabir gerakan.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, yang menzahirkan penghargaan terhadap komitmen YKPJ dan seluruh petugas jamaah dalam menterjemahkan nilai ihsan, kebajikan dan khidmat umat. Kehadiran WADAH dalam program ini mencerminkan sokongan terhadap usaha memperkukuh kebajikan petugas, khususnya melalui peranan YKPJ sebagai institusi yang menjaga kesejahteraan sosiomedikal dan sosioekonomi warga kerja gerakan.

Program ini turut menampilkan amanat khas daripada Pengerusi YKPJ, En. Mohd Halimi, yang memberi penghargaan kepada para petugas atas kesetiaan, dedikasi dan pengorbanan mereka dalam menggerakkan agenda umat.



## WADAH KELANTAN LANCAR PROGRAM BICARA MAWADAH BERSAMA AKM DAN JPN KELANTAN

**9 MEI 2026, KOTA BHARU** — WADAH Kelantan telah menganjurkan Seminar Kenegaraan dan Pelancaran Program Bicara Mawaddah: Keluarga Hebat Anak Berkat di Dewan Sri Tunjung, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) dan JPN Kelantan, dengan penyertaan seramai 300 orang peserta terdiri daripada ibu bapa serta pimpinan PIBG sekolah rendah dan menengah sekitar Kota Bharu.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan jati diri kenegaraan serta peranan institusi keluarga dalam membentuk generasi yang berakhlak mulia, berilmu dan berdaya saing. Selain itu,

peserta turut diberi pendedahan berkaitan gejala jenayah dan masalah sosial semasa sebagai panduan kepada ibu bapa dalam membimbing anak-anak agar tidak terjebak dalam aktiviti negatif.

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Roslan bin Husin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia. Turut hadir sebagai tetamu dan penceramah ialah YBrs. Puan Hajah Siti Norina binti Muhamad, Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan, serta SAC Mohd Khairiel bin Mohd Arif, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah IPK Kelantan, yang berkongsi pandangan berkaitan pendidikan, pembinaan keluarga dan cabaran sosial masyarakat masa kini.



## WAP WILAYAH PERSEKUTUAN IRINGI YB SENATOR DR. ZULKIFLI HASAN TINJAU DAKWAH JALANAN DI BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR



**16 MEI 2026, BUKIT BINTANG** — WAP Wilayah Persekutuan bersama ABIM Wilayah Persekutuan telah mengadakan Tinjauan Lapangan Bukit Bintang bersama YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, bagi melihat secara dekat pelaksanaan aktiviti dakwah jalanan di sekitar kawasan tumpuan masyarakat. Program yang bermula di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB) itu disertai kira-kira 20 orang peserta, melibatkan pasukan WAP WP bersama YB Menteri dan rombongan.

Tinjauan lapangan ini bermula sekitar jam 8.45 malam selepas ketibaan rombongan di OOBB, sebelum peserta bergerak ke lapan checkpoint sekitar Bukit Bintang. Pergerakan yang dimulakan dengan selawat pada jam 9.20 malam itu menjadi ruang menyantuni masyarakat bandar secara lebih dekat, di samping menzahirkan pendekatan dakwah yang hadir ke tengah lapangan dengan penuh hikmah, tertib dan kebersamaan.

## WARGA WADAH ANTARA JEMAAH HAJI YANG DISANTUNI YAB PERDANA MENTERI



**19 MEI 2026, PUTRAJAYA** —

Beberapa ahli WADAH turut berada dalam kalangan jemaah haji dari Permatang Pauh dan Tambun yang disantuni oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, sebelum berangkat ke Tanah Suci sebagai tetamu Allah SWT. Dalam pertemuan tersebut, beliau berkongsi makna ibadah haji sebagai perjalanan rohani yang bukan sekadar menyucikan jiwa, tetapi turut membentuk pandangan hidup yang lebih luas, damai dan insaf terhadap persaudaraan umat manusia, sebagaimana kisah perubahan Malcolm X selepas pulang dari Makkah.

Antara ahli WADAH yang turut menjadi jemaah haji ialah Ustaz Hasri Harun, Timbalan Presiden WADAH, bersama Puan Hasliza Mohamad Ali; Mohd Halimi Abdul Hamid, Setiausaha Kewangan WADAH; Encik Ahmad Saparuddin Yusup, Exco WADAH, bersama Puan Fariah binti Nawam; Saudara Mohd Faisal Abdul Aziz; Encik Kamarul Bahrain Zahid; Saudara Mukhtar Ngah dari KBI; Dr. Shifa Mohd Nor dan Zariman Fazli Ahmad; serta Puan Esah Din, Pengurus Rukaiyah. WADAH mendoakan agar seluruh jemaah dikurniakan haji yang mabrur, dipermudahkan segala urusan dan kembali ke tanah air dengan semangat baharu untuk terus berkhidmat kepada agama, masyarakat dan negara.



## WADAH WILAYAH PERSEKUTUAN TURUN PADANG SANTUNI KOMUNITI MELALUI GEROBOK KASIH RISE4U

**24 MEI 2026, PUDU ULU** — WADAH Wilayah Persekutuan turut sama menayakan Program Gerobok Kasih Rise4U yang berlangsung di Kompleks Seri Al Huda dan PPR Pudu Ulu sebagai usaha menyantuni keluarga memerlukan menjelang Aidiladha. Program ini membawa mesej syukur, pengorbanan dan kepedulian melalui agihan barangan asas seperti beras, ayam, minyak, ubi kentang, ikan dan daging kepada komuniti setempat.

Penglibatan WADAH Wilayah Persekutuan bersama rakan jaringan seperti SALWA, ABIM Wilayah Persekutuan, PPIWP, Srikandi, Rise4U serta wakil komuniti setempat memperlihatkan semangat kebersamaan dalam menggerakkan kerja kebajikan di lapangan. Program ini turut menjadi ruang mempererat hubungan antara sukarelawan, komuniti dan rakan strategik dalam menyampaikan bantuan secara lebih tersusun dan berkesan.



## PUSAT INFAQ WADAH SANTUNI PELAJAR KOLEJ DAR AL-HIKMAH

**22 MEI 2026, KAJANG** — Program Jamuan Kasih Pelajar al-Hikmah telah berlangsung di Kolej Dar Al-Hikmah, Kajang, menghimpunkan para pelajar dalam suasana penuh ukhuwah, kesyukuran dan kebersamaan.

Program ini turut dihadiri petugas Sekretariat WADAH Pusat yang bersama-sama menyantuni para pelajar, sekali gus menzahirkan sokongan terhadap usaha membina ekosistem pendidikan yang berteraskan kasih sayang, adab dan kepedulian.

Dalam ucapannya, Dr. Muhamad Razak bin Idris, Pengerusi Lembaga Pengelola Pendidikan al-Hikmah, menekankan bahawa dakwah boleh bermula melalui pendekatan sederhana yang menyentuh hati, seperti memberi makan dan minum. Sementara itu, Pengerusi PIW, Tuan Haji Ahmad bin Sulaiman, mengingatkan para pelajar tentang kemuliaan menuntut ilmu dalam Islam, dengan menukilkan hadis bahawa mereka yang keluar mencari ilmu berada di jalan Allah sehingga kembali.





## PETUGAS WADAH SERTAI PERTANDINGAN BOWLING KOMUNITI AYG 2026

**23 MEI 2026, BANGI** — Empat petugas Sekretariat WADAH Pusat, iaitu Sdr. Haziq, Sdr. Irfan, Sdr. Irsyad dan Sdr. Ali, telah mewakili organisasi dalam Pertandingan Bowling Komuniti AYG 2026 yang berlangsung di Ampang Superbowl, Bangi Gateway. Penyertaan ini menjadi ruang santai untuk menyokong inisiatif komuniti anjuran Adab Youth Garage (AYG), sebuah NGO yang memberi tumpuan kepada pembangunan belia dan komuniti setempat melalui pendekatan mesra anak muda.

Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang itu menghimpunkan pelbagai pasukan jemaah dan komuniti dalam suasana penuh semangat kesukanan. Penglibatan petugas WADAH bukan sekadar penyertaan sukan, tetapi turut mencerminkan komitmen organisasi untuk membina ukhuwah, menyuburkan gaya hidup sihat dan memperluas jaringan bersama rakan belia serta komuniti Bangi.



## IBADAH KORBAN NAHDHAH x YAPEIM SANTUNI ASNAF PELBAGAI LATAR

**27 MEI 2026, PERMATANG PAUH** — Program Ibadah Korban Nahdah x YAPEIM telah berlangsung di Pusat Aktiviti Komuniti Kampung Pertama dengan penglibatan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), PTN Permatang Pauh dan WADAH Pulau Pinang. Program ini dilaksanakan sebagai usaha menunaikan amanah ibadah korban kepada golongan asnaf yang belum berpeluang melaksanakannya sebelum ini.

Inisiatif ini menyasarkan penyertaan dalam kalangan asnaf pelbagai kategori termasuk OKU, pesakit terlantar, warga emas dan ibu tunggal. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperluas manfaat ibadah korban kepada golongan yang lebih memerlukan, di samping mengukuhkan nilai kepedulian sosial dan ukhuwah dalam masyarakat.



# WADAH SABAH IMARAH AIDILADHA DI KAMPUNG MALINSAU DARAT, RANAU



**26-27 MEI 2026, RANAU** — WADAH Sabah telah menganjurkan Majlis Kenduri dan Imarah Hari Raya Aidiladha 1447H di Surau Kampung Malinsau Darat, Ranau, sebagai usaha menghidupkan syiar Islam serta mempertaut ukhuwah dalam kalangan penduduk setempat. Program ini turut mencatat detik bersejarah apabila Solat Sunat Aidiladha dilaksanakan buat kali pertama di surau berkenaan sejak pembukaannya.

Program dua hari ini dimulakan dengan malam takbir raya yang dipimpin oleh Ustaz Syamlawi Abdul Hamid, Pendakwah Lapangan WADAH Sabah, selepas solat Maghrib dan Isyak. Suasana malam raya turut diserikan dengan kehadiran penduduk dewasa, kanak-kanak, remaja serta beberapa penduduk bukan Islam, mencerminkan hubungan kejiwaan yang harmoni dan semangat toleransi dalam komuniti kampung.

Pada 27 Mei, majlis diteruskan dengan Solat Sunat Aidiladha secara berjemaah yang menghimpunkan kira-kira 60 jemaah terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak. Pengisian turut disusuli khutbah raya, bacaan tahlil dan doa selamat, sebelum para jemaah serta penduduk bersama-sama menjayakan jamuan hari raya secara gotong-royong.



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA

## WADAH NEGERI SEMBILAN SANTUNI ASNAF MELALUI IBADAH KORBAN 3 EKOR LEMBU



**27 MEI 2026, SEREMBAN** — WADAH Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Ibadah Korban melibatkan tiga ekor lembu, termasuk satu sumbangan daripada YAPEIM. Program yang berlangsung di tanah kebun milik ahli WADAH di Simbol Teguh, Taman Sri Mawar, Seremban ini disertai seramai 21 peserta korban bersama ahli keluarga serta penduduk sekitar.

Majlis dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai ibrah ibadah korban yang disampaikan oleh Pengerusi WADAH Negeri Sembilan, Dato' Haji Md Fiah bin Md Jamin, sebelum diteruskan dengan aktiviti gotong-royong penyembelihan. Proses bermula sekitar jam 11.00 pagi dan selesai pembungkusan daging pada jam 2.00 petang, dengan agihan sebanyak 100 bungkus kepada asnaf fakir miskin di sekitar Ampangan, Senawang dan Paroi sebagai tanda keprihatinan sosial dan kebersamaan komuniti.

## PUSAT TUNAS NAHDAH LUMUT DAN TAMBUN SANTUNI KOMUNITI MELALUI IBADAH KORBAN

**27 MEI 2026, LUMUT & TAMBUN** — Program Ibadah Korban telah selesai dilaksanakan oleh PTN Lumut bertempat di Kampung Sungai Tiram, Lekir, dengan kerjasama penduduk kampung serta wakil YAPEIM Daerah Manjung. Melalui program ini, sebanyak 80 bungkus daging seberat 1.5 kilogram telah diagihkan kepada penerima manfaat, manakala tujuh penama korban turut menerima bahagian masing-masing merangkumi daging, organ dalaman dan tulang.

Ibadah korban turut diteruskan oleh PTN Tambun yang berlangsung di Surau Harussani, Taman Chepor Raya, Chemor. Sebanyak 70 bungkus daging seberat 1 kilogram telah diagihkan kepada penerima manfaat, sementara tujuh penama korban menerima bahagian korban masing-masing dengan bantuan penduduk setempat serta wakil YAPEIM Daerah Kinta.

Pelaksanaan korban di dua lokasi ini mencerminkan semangat kebersamaan, gotong-royong dan kepedulian sosial dalam menyantuni masyarakat setempat. Lebih daripada sekadar agihan daging, program ini menjadi ruang menghidupkan nilai pengorbanan, syukur dan ukhawah dalam kalangan komuniti menjelang Aidiladha.





## WADAH JOHOR DAN PTN BATU PAHAT SANTUNI KOMUNITI ORANG ASLI MELALUI KAPKOM 2026

**30 MEI 2026, BATU PAHAT** — Karnival Peduli Komuniti MADANI (KAPKOM) 2026 telah berlangsung dengan meriah di Kampung Sri Pantai, melibatkan kerjasama WADAH Negeri Johor, Pusat Tunas Nahdah Batu Pahat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), agensi kerajaan, sektor korporat serta komuniti setempat. Program ini menghimpunkan penduduk kampung dan sukarelawan termasuk pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam pelbagai aktiviti berteraskan kebajikan, kesihatan, pendidikan dan pembangunan komuniti.

Antara pengisian utama ialah ibadah korban melibatkan tiga ekor lembu yang dilaksanakan secara gotong-royong, diikuti agihan daging kepada keluarga asnaf sebagai simbol kebersamaan dan keprihatinan sosial. Program turut di-

serikan dengan Rewang Sekampung, Bengkel Smart Solat untuk kanak-kanak dan remaja, serta saringan kesihatan oleh LPPKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang memberi manfaat langsung kepada penduduk kampung.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan demonstrasi pengurusan bencana oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta amali sembelihan yang menekankan aspek pematuhan syarak. Program yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Batu Pahat ini turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada 120 keluarga dalam bentuk daging korban dan Pek Ceria Raya, sekali gus memperlihatkan sinergi pelbagai pihak dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti berteraskan semangat Malaysia MADANI.

## NAIB PRESIDEN WADAH KUPAS KEDAULATAN DIGITAL DAN KESEJAHTERAAN MENTAL DALAM DUA WACANA ANTARABANGSA

**16 MEI 2026, ATAS TALIAN** — Naib Presiden WADAH, Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura binti Udzir, telah tampil sebagai plenary speaker dalam 22nd Putrajaya International Conference on Children, Women, the Elderly and Persons with Disabilities (PICCWED) melalui pembentangan bertajuk “Digital Sovereignty: Empowering Vulnerable Communities through Cyber Resilience and Inclusive Security”. Dalam pembentangan tersebut, beliau menekankan kepentingan keselamatan digital yang inklusif, khususnya bagi melindungi kelompok rentan seperti kanak-kanak, wanita, warga emas dan OKU dalam landskap teknologi yang semakin kompleks.

Pada sebelah petang, beliau turut menyampaikan perkongsian dalam Sync & Sanity: International Symposium on Digital Wellbeing menerusi tajuk “The Impact of Technology on Mental Health”. Penglibatan ini memperlihatkan peranan WADAH dalam membawa wacana teknologi yang berteraskan nilai, keselamatan insan dan kesejahteraan masyarakat, agar pembangunan digital tidak hanya dinilai dari sudut kemajuan teknikal, tetapi turut mengambil kira kesan sosial, psikologi dan kemanusiaan.





## PRESIDEN WADAH HADIRI MESYUARAT PENGENALAN PPZ-MAIWP

4 MEI 2026, KUALA LUMPUR — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman, telah menghadiri Mesyuarat Pengenalan bersama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) di ibu pejabat PPZ-MAIWP. Pertemuan ini menjadi ruang awal untuk mengenali struktur, peranan dan gerak kerja PPZ-MAIWP dengan lebih dekat, di samping membuka laluan kepada penyelarasan idea serta kerjasama strategik dalam memperkukuh agenda zakat, kebajikan dan pembangunan umat.

## SEMINAR KEIBUBAAPAN ANGKAT MISI MEMBINA GENERASI AL-QURAN



6 MEI 2026, ATAS TALIAN — Seminar Keibubapaan anjuran Madrasah Uthmaniah (ABIM) telah berlangsung secara dalam talian melalui Zoom Meeting dengan tajuk "Misi & Visi Anak-anak Mengikuti Jejak Rasulullah SAW". Program ini menampilkan Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman, sebagai pengisi utama yang membicarakan peranan ibu bapa dalam membentuk hala tuju anak-anak berteraskan nilai kenabian dan kefahaman Islam yang menyeluruh.

Pengisian ini memberi penekanan kepada kepentingan keluarga sebagai medan awal tarbiah, khususnya dalam membina generasi yang dekat dengan Al-Quran, berakhlak dan mempunyai matlamat hidup yang jelas. Melalui program ini, ibu bapa dan warga pendidik diajak melihat keibubapaan bukan sekadar tanggungjawab membesarkan anak, tetapi amanah besar dalam melahirkan generasi yang mampu meneladani Rasulullah SAW dalam kehidupan.

## PROGRAM RIQAB MAIWP SANTUNI GOLONGAN RENTAN DI SINGGAH TEDUH NUR QASEH

**7 MEI 2026, KUALA LUMPUR** — Presiden WADAH telah menyertai Program Riqab MAIWP bersama Pengerusi MAIWP di Inap Tamu dan Pusat Kebajikan serta Dakwah Singgah Teduh Nur Qaseh. Program ini memberi tumpuan kepada usaha menyantuni golongan rentan dan rakan jalanan melalui pendekatan kebajikan, dakwah dan pemulihan sosial, selaras dengan peranan pusat tersebut yang membawa misi “Memanusiakan Manusia”.

Kehadiran dalam program ini mencerminkan komitmen WADAH untuk terus dekat dengan realiti masyarakat yang memerlukan perhatian, bimbingan dan sokongan berterusan. Melalui kerjasama bersama MAIWP dan institusi kebajikan lapangan, usaha seperti ini menjadi ruang penting untuk memperkukuh jaringan khidmat umat serta mengangkat pendekatan dakwah yang lebih menyantuni dan berjiwa rahmah.



## WACANA PERANG IRAN DI ISTAC KUPAS GEOPOLITIK ASIA BARAT

**11 MEI 2026, KUALA LUMPUR** — Presiden WADAH telah menghadiri Talk on Iran War yang berlangsung di ISTAC, Kuala Lumpur. Kehadiran beliau dalam wacana ini mencerminkan perhatian berterusan WADAH terhadap perkembangan geopolitik Asia Barat, khususnya konflik yang memberi kesan kepada kestabilan serantau, keselamatan umat dan percaturan kuasa global.



## PRESIDEN WADAH SAMPAIKAN WACANA MADANI SEMENA PROGRAM PEMUKIMAN ZAMALAH YADIM



**16 MEI 2026, SABAH** — Presiden WADAH telah menyampaikan pengisian dalam Slot 1 Wacana Madani sempena Program Pemukiman Zamalah YADIM Siri 1/2026 anjuran YADIM Negeri Sabah. Program yang berlangsung di Platinum Ballroom, Lintas Platinum Hotel itu turut mengetengahkan tajuk “Perang Hormuz: Ancaman Kedaulatan Negara dan Perpecahan Umat” sebagai antara isu utama yang dibincangkan.

Dalam pengisian tersebut, beliau mengupas perkembangan geopolitik semasa di Selat Hormuz serta kesannya terhadap keselamatan, kestabilan ekonomi dan perpaduan umat. Perkongsian ini memberi penekanan kepada keperluan gerakan dakwah memahami perubahan dunia secara lebih strategik, agar agenda pencerdasan masyarakat tidak terpisah daripada realiti global yang sedang membentuk masa depan umat dan negara.

## WATIKAH AHLI MAIWP SESI 2026-2028 DIKURNIAKAN DI ISTANA NEGARA

**18 MEI 2026, KUALA LUMPUR** — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman, telah menghadiri Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi sesi 2026–2028 yang berlangsung di Istana Negara. Istiadat tersebut disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, yang berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada ahli-ahli MAIWP bagi sesi baharu tersebut.



## PRESIDEN WADAH SERU PERSIAPAN TEKNOLOGI MANDIRI DALAM ERA AI DAN KRISIS GEOPOLITIK

**22 MEI 2026, PUTRAJAYA** — Presiden WADAH telah menyampaikan ceramah bertajuk “Krisis Selat Hormuz: Perubahan Geopolitik Dunia dengan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI): Persiapan Teknologi Mandiri” sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa krisis Selat Hormuz bukan sekadar isu geopolitik dan tenaga global, tetapi turut memperlihatkan bagaimana AI, data dan algoritma kini menjadi medan baharu persaingan kuasa dunia.

Beliau turut mengangkat beberapa pelajaran sejarah seperti kejatuhan Konstantinopel, Perang Dunia Pertama dan Kedua bagi menunjukkan bahawa teknologi sering menjadi penentu besar dalam kebangkitan atau kejatuhan sesebuah kuasa. Menurut beliau, kegagalan membaca perubahan teknologi boleh memberi kesan langsung kepada kedaulatan bangsa, justeru Malaysia tidak boleh sekadar menjadi pengguna teknologi asing, sebaliknya perlu membina keupayaan sendiri dalam bidang AI dan teknologi strategik.

Dalam konteks pendidikan, beliau menyeru BSTP agar memainkan peranan lebih berani dalam melahirkan generasi pencipta teknologi, bukan sekadar pengguna. Antara saranan yang dikemukakan termasuk memperkukuh kurikulum Sains Komputer dan AI sejak peringkat rendah, membangunkan platform AI pendidikan nasional, memperkasa guru sebagai peneraju teknologi, menjadikan makmal komputer sebagai ruang inovasi serta memperluas kerjasama strategik dengan industri dan universiti.



# SIDANG KHAS WADAH GARISKAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK HADAPI KRISIS GEOPOLITIK

**1-2 MEI 2026, CHERAS** — Sidang Tertutup Strategik WADAH 2026 telah berlangsung dengan kehadiran pimpinan tertinggi WADAH dari setiap negeri, bagi merumuskan resolusi “Pelan Tindakan Strategik WADAH Menghadapi Krisis Selat Hormuz – Selat Melaka” sebagai respons terhadap perubahan geopolitik dunia yang semakin kritikal. Resolusi ini menegaskan bahawa ancaman global kini turut memberi kesan kepada Selat Melaka sebagai laluan perdagangan strategik dan medan persaingan kuasa besar.



Antara tumpuan utama resolusi ialah memperkukuh keselamatan dalaman jemaah, membina kesedaran massa, menggerakkan perang media serta menyatukan generasi pelapis melalui jaringan WADAH, ABIM, PKPIM dan SALWA. WADAH turut menekankan kepentingan kerjasama strategik, ketahanan siber, usrah gabungan dan misi diplomasi rakyat di peringkat serantau.

Dalam aspek ekonomi dan ke-siapsiagaan politik, resolusi menggariskan pengaktifan Program Ekonomi Masjid dan Komuniti melalui rangkaian masjid sebagai hab makanan, sokongan komuniti dan latihan kemandirian. Resolusi ini turut menegaskan komitmen WADAH dalam mempertahankan mandat kepimpinan negara serta menggerakkan advokasi masyarakat melalui pencerahan rakyat dan penyelarasan NGO.



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA

## WADAH BINCANG CADANGAN PEMBANGUNAN ANJUNG RAHMAT BERSAMA PEMAJU BERPOTENSI

7 MEI 2026, BANGI — WADAH telah mengadakan mesyuarat bersama pemaaju berpotensi bagi membincangkan beberapa cadangan pembangunan di sekitar tanah milik WADAH yang berpotensi. Pertemuan ini memberi ruang kepada kedua-dua pihak meneliti potensi projek, keperluan teknikal serta hala tuju pembangunan.



## USRAH GABUNGAN WAP WILAYAH PERSEKUTUAN ANGKAT TEMA NIKMAT KEAMANAN

7 MEI 2026, BUKIT BINTANG — Usrah Gabungan Bulanan WAP Wilayah Persekutuan telah berlangsung di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB), menghimpunkan hampir 100 peserta daripada WADAH Wilayah Persekutuan, ABIM Wilayah Persekutuan dan Persatuan Pelajar-pelajar Islam Wilayah Persekutuan (PPIWP). Turut hadir wakil PKPIM UIA Gombak serta pelajar dari Kemboja yang sedang menuntut di Kolej Dar Al-Hikmah, Kajang.

Dalam pengisian bertema “Nikmat Keamanan Yang Wajib Disyukuri”, Presiden WADAH menegaskan bahawa keamanan ialah nikmat besar yang sering tidak disedari nilainya sehingga tercetus krisis dan peperangan. Beliau turut mengaitkan konflik di Selat Hormuz dengan kesan global seperti kenaikan harga minyak, gangguan ekonomi dan tekanan kos sara hidup, selain menghuraikan “kerangka kesalingan” antara kerajaan dan rakyat dalam menghadapi krisis; kerajaan perlu telus, berintegriti dan melindungi golongan rentan, manakala rakyat perlu bersyukur, bersabar, menjauhi fitnah, berhemat, membantu komuniti serta memperbanyakkan doa demi memelihara keharmonian negara.



## WADAH SELANGOR SERTAI MESYUARAT BERSAMA BAHAGIAN PEMBANGUNAN HALAL JAIS

**14 MEI 2026, SHAH ALAM** — WADAH Selangor telah menghadiri mesyuarat bersama Bahagian Pembangunan Halal (BPH) JAIS yang berlangsung di Bangunan MAIS, Shah Alam. Mesyuarat tersebut membincangkan maklumat terkini berkaitan pergerakan BPH bersama Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK), khususnya dalam penyelarasan gerak kerja di bawah Kluster Pembangunan Halalan Toyyiban MAIS.

WADAH Selangor merupakan antara PIBK berdaftar di bawah Kluster Pembangunan Halalan Toyyiban MAIS bersama empat NGO lain, dan terus menjalin kerjasama rapat dengan BPH JAIS dalam usaha mendukung agenda pembangunan halal yang lebih tersusun. Penglibatan ini mencerminkan komitmen WADAH Selangor untuk bersama-sama memperkasa kefahaman, kesedaran dan pelaksanaan konsep halalan toyyiban dalam masyarakat.



## WADAH PERAK ANJUR USRAH GABUNGAN, BINCANG PARADIGMA BAHARU GERAKAN ISLAM

**20 MEI 2026, CHEMOR** — WADAH Perak dengan kerjasama SALWA Perak, ABIM Perak dan Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP) telah menganjurkan Usrah Gabungan peringkat negeri di Bilik Gerakan Dr. Siddiq Fadzil, Maahad Al Ummah, Chemor. Program ini menghimpunkan pimpinan dan kader gerakan dari pelbagai daerah sebagai ruang memperkuat ukhuwah, menyuburkan roh jamaah serta meneliti perkembangan geopolitik semasa yang memberi kesan kepada kestabilan negara dan masa depan umat.

Pengisian utama telah disampaikan

oleh Presiden WADAH menerusi tema “Perubahan Geopolitik Dunia: Paradigma Baru Gerakan Islam”. Dalam pembentangannya, beliau mengupas ketegangan di Selat Hormuz yang bukan sahaja memberi kesan kepada rantau Timur Tengah, tetapi turut mencetuskan krisis tenaga global, tekanan ekonomi dan gangguan rantaian bekalan. Beliau turut menegaskan bahawa gerakan Islam perlu keluar daripada kerangka lama dengan membina masyarakat yang lebih berdikari dari sudut ekonomi, keselamatan makanan dan kesiapsiagaan sosial.



## WADAH SELANGOR ANJUR SIRI BEDAH BUKU BERSAMA PPAS SENTUH ISU TRAUMA DAN KETAGIHAN

**21 MEI 2026, SHAH ALAM** — Siri Bedah Buku WADAH Selangor dengan kerjasama PPAS telah berlangsung di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam, dengan kehadiran kira-kira 30 orang belia yang memenuhi Bilik Seminar aras bawah. Sesi ini disampaikan oleh Cik Dalila Zaidi, aktivis Rahmah Support Team, yang membedah buku *In the Realm of Hungry Ghosts* karya Dr. Gabor Maté.

Perbincangan buku tersebut me-

nyentuh punca sebenar di sebalik masalah ketagihan, dengan penekanan bahawa ketagihan tidak wajar dilihat semata-mata sebagai kegagalan moral atau isu genetik. Sebaliknya, ia turut berkait rapat dengan trauma masa lalu dan kesakitan emosi yang belum dipulihkan, sekali gus membuka ruang kepada para peserta untuk memahami isu ketagihan dengan lebih empati, manusiawi dan berasaskan pemulihan.



## PSUA WADAH MENGHADAP TENGGU AMPUAN PAHANG, BUKU QANUN PAHANG TARIK PERHATIAN BAGINDA

**21 MEI 2026, PAHANG** — Penolong Setiausaha Agung WADAH, Khairul Arifin bin Mohd Munir, telah berkenan diterima menghadap KDPB Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, dalam satu pertemuan yang berlangsung penuh mesra dan bermakna. Dalam pertemuan tersebut, Tunku Azizah turut menzahirkan minat terhadap penulisan buku *Qanun Pahang*, sebuah karya yang mengangkat khazanah sejarah, perundangan dan warisan intelektual negeri Pahang, sekali gus memberi makna besar kepada usaha WADAH dalam memartabatkan semula tradisi ilmu Melayu-Islam sebagai sebahagian daripada agenda pencerdasan umat.



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH  
PENCERDASAN UMAT MSIA

**NAIB PRESIDEN WADAH  
KUPAS CABARAN  
AI DALAM USRAH  
BULANAN BERSAMA  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN**

**13 MEI 2026, SEREMBAN** — Usrah Bulanan bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah berlangsung di Surau Kediaman Rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan dengan tajuk “AI: Anugerah atau Fitnah Akhir Zaman?”. Program ini menampilkan Naib Presiden WADAH Pusat, Prof. Dato’ Dr. Mohamad Fauzan Noordin, sebagai penceramah jemputan yang mengupas perkembangan kecerdasan buatan (Ai) dalam kehidupan moden serta cabarannya terhadap masyarakat.



Dalam pengisiannya, beliau menekankan bahawa masyarakat bukan sahaja perlu celik teknologi, tetapi turut memiliki panduan nilai, akhlak dan kefahaman agama agar AI dimanfaatkan ke arah kebaikan. Pada penghujung program, para hadirin turut menunaikan solat hajat bagi kesejahteraan Negeri Sembilan serta mendoakan keselamatan dan kesejahteraan para jemaah haji di Tanah Suci, agar segala urusan mereka dipermudah dan dikurniakan haji yang mabrur.



**MAJLIS AL-MIZAN  
WAKILI WADAH DALAM  
SESI KONSULTASI  
AWAM RUU MARA 2026**

**14 MEI 2026, KUALA LUMPUR** — Majlis Al-Mizan telah mewakili WADAH dalam Sesi Konsultasi Awam bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) berhubung Rang Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat (RUU MARA) 2026 yang berlangsung di Hotel Premieria, Kuala Lumpur. Sesi ini merupakan sebahagian daripada proses penggubalan RUU MARA 2026 bagi memastikan kerangka perundangan MARA kekal relevan, responsif terhadap perubahan serta menyokong aspirasi pembangunan Bumiputera masa kini.

WADAH telah diwakili oleh Muhammad Mustaqim bin Ahmad Huzaini, Timbalan Pengerusi Majlis Al-Mizan. Penglibatan Majlis Al-Mizan dalam sesi ini menyerlahkan peranan WADAH dalam menyumbang pandangan dari sudut perundangan, tadbir urus dan kepentingan masyarakat, khususnya dalam isu yang berkait rapat dengan pembangunan umat dan agenda pemerksaan Bumiputera.



# ZOPFAN KOMPAS STRATEGIK ASEAN 2026: MEMBINA MASA DEPAN SERANTAU BERSAMA

8 MEI 2026

**P**ertubuhan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menegaskan bahawa *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN) bukan sekadar warisan diplomasi ASEAN era Perang Dingin, sebaliknya merupakan keperluan strategik yang semakin mendesak dalam menghadapi cabaran geopolitik dan geo-ekonomi serantau yang kian kompleks.

Dalam suasana Asia Tenggara berdepan persaingan kuasa besar, ketegangan maritim, tekanan ekonomi global serta cabaran keselamatan baharu, ASEAN memerlukan kompas bersama yang dapat mempertahankan keamanan, kebebasan membuat keputusan dan neutraliti strategik rantau ini.

Sehubungan itu, WADAH berpandangan bahawa ZOPFAN wajar diangkat semula sebagai agenda utama ASEAN 2026, khususnya dalam kerangka tiga tonggak penting iaitu *Peace and Security Anchors, Prosperity Corridors dan People Empowerment*.

Pertama, ZOPFAN berperanan sebagai perisai diplomatik ASEAN bagi memastikan sebarang pertikaian diselesaikan secara aman, beradab dan berasaskan rundingan. Ia penting bagi mengelakkan rantau ini daripada menjadi medan persaingan kuasa luar.

Kedua, ZOPFAN menjamin koridor kemakmuran serantau agar tidak tergugat oleh ketegangan geopolitik. Rantau yang stabil, neutral dan bebas daripada tekanan blok kuasa besar akan meningkatkan keyakinan pelabur, memperkukuh perdagangan serta memastikan manfaat pembangunan sampai kepada rakyat.

Ketiga, ZOPFAN memperkukuh autonomi strategik ASEAN, iaitu keupayaan negara anggota menentukan hala tuju sendiri tanpa dipaksa memilih paksi kuasa tertentu. Prinsip ini penting bagi memastikan pembangunan mampan, keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan.

WADAH menyambut baik penegasan Perdana Menteri Malaysia dalam mesej tahun baharu 2026 khusus ketika peralihan kepengerusi-an ASEAN dari Malaysia ke Filipina, bahawa



keamanan tidak boleh ditawar, dan kerjasama erat negara anggota ASEAN adalah kunci bagi mengelakkan rantau ini terheret ke dalam persaingan kuasa besar.

Seruan agar ZOPFAN dihidupkan semula sebagai agenda strategik tetap adalah tepat pada masanya.

Justeru, sempena sidang ASEAN di Cebu, Filipina, WADAH menyeru negara-negara ASEAN agar:

- 1** Memperkukuh mekanisme pelaksanaan ZOPFAN melalui kerangka *ASEAN Political-Security Community Blueprint 2026*;
- 2** Menubuhkan *High-Level Panel on Regional Neutrality* bagi memperincikan langkah praktikal neutraliti ASEAN;
- 3** Mengintegrasikan prinsip ZOPFAN dalam kerjasama ekonomi, keselamatan maritim, pembangunan serantau dan hubungan luar ASEAN.

WADAH percaya bahawa tanpa ZOPFAN, ASEAN berisiko kehilangan kompas neutralitinya. Dengan ZOPFAN, tema "*Navigating Our Future, Together*" bukan sekadar slogan diplomatik, tetapi visi nyata untuk membina rantau yang aman, bebas, berkecuali, makmur dan berpaksikan kesejahteraan rakyat.

**"MENGANGKAT MARTABAT UMAT"**

**HJ AZIZUDDIN AHMAD**

Setiasaha Agung  
Pertubuhan Wadah Pencerdasan Umat  
Malaysia (WADAH)

# WADAH MENGECEM KENYATAAN YANG MENGHINA SAHABAT NABI MUHAMMAD SAW



12 MEI 2026

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan tegas mengecam kenyataan seorang Ahli Parlimen YB Datuk Dr Zawawi Nik Nik Salleh dalam ceramahnya baru-baru seolah-olah menghina, merendah-rendahkan atau mempersendakan wibawa para Sahabat Nabi Muhammad SAW.

Bagi Wadah, para Sahabat RA adalah generasi terbaik umat Islam yang telah dipilih oleh Allah SWT untuk mendampingi, membantu serta menyampaikan risalah Islam yang suci kepada seluruh umat manusia. Kedudukan mereka telah dimuliakan dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW, antaranya firman Allah SWT:

Maksudnya *“Muhammad itu adalah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya adalah keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka...”* (Surah al-Fath: 29)

Begitu juga melalui Sabda Nabi SAW pula: Maksudnya *“Sebaik-baik manusia adalah generasiku (para Sahabat), kemudian yang mengikuti mereka (Tabi’in), kemudian yang mengikuti mereka (Tabi’ Tabi’in).”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sehubungan itu, sebarang usaha untuk mencemarkan nama para Sahabat bukan sahaja bertentangan dengan adab Islam, malah boleh menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam, menggugat keharmonian masyarakat dan

menimbulkan kekeliruan atas kewibawaan sahabat Nabi SAW yang telah berjasa dengan agama Islam.

Apalah maksud dan tujuan menimbulkan dan membangkitkan sejarah lama para sahabat Nabi sebelum Islam walaupun faktanya juga masih diragui. Bukankah Allah Taala lebih mengetahui akan suasana dan keadaan mereka sehinggakan mereka berjaya bersama-sama Rasulullah SAW membangunkan Islam sehingga dinikmati hingga hari ini.

Justeru, WADAH menyeru agar semua pihak harus berhati-hati menyatakan pandangan, khususnya umat Islam di Malaysia, agar:

- Menghormati kedudukan para Sahabat Nabi SAW sebagai tokoh agung Islam.
- Mengelakkan sebarang provokasi, fitnah atau kenyataan tidak berasas terhadap sejarah Islam.
- Merujuk kepada autoriti ilmiah dan ulama muktabar dalam memahami isu-isu berkaitan sejarah Islam.
- Memelihara perpaduan umat dan mengutamakan adab dalam perbezaan pandangan.

WADAH juga menggesa pihak berkuasa serta institusi berkaitan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pihak yang sengaja menimbulkan kebencian terhadap tokoh-tokoh Islam yang mulia ini.

Akhirnya, WADAH menyeru agar umat Islam kembali kepada nilai ilmu, hikmah dan akhlak mulia dalam menyampaikan pandangan, selaras dengan tuntutan Islam sebagai agama rahmat untuk sekalian alam.

*“Dan janganlah kamu mencaci orang-orang yang mereka sembah selain Allah, nanti mereka akan mencaci Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan.”* (Surah al-An’am: 108)

“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”

**HASRI BIN HARUN**

Timbalan Presiden  
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia  
(WADAH)

# TERIMA KASIH PMX: ELAUN PASCA CUTI BERSALIN - REFORMASI PARADIGMA IBU BEKERJAYA

**P**ertubuhan SALWA Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, atas keprihatinan tinggi memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin menerusi agenda Kerajaan MADANI.

Bagi SALWA, inisiatif ini bukan sekadar bantuan fiskal jangka pendek; ia merupakan sebuah pengiktirafan strategik terhadap peranan dwi-fungsi wanita sebagai pemacu ekonomi negara dan tunjang institusi kekeluargaan. Langkah ini merupakan satu anjakan paradigma dalam memastikan ekosistem pekerjaan di Malaysia lebih inklusif dan manusiawi.

Berikut adalah perspektif SALWA terhadap impak strategik inisiatif ini:

## 1 Memperkukuh Kesejahteraan Holistik & Kesihatan Mental

Fasa pasca-bersalin (postpartum) adalah tempoh kritikal yang menentukan kestabilan emosi ibu. Mengikut statistik global, sekitar 10% hingga 15% wanita berisiko mengalami kemurungan pasca-bersalin jika tidak mendapat sokongan yang cukup.

Inisiatif ini bertindak sebagai 'buffer' psikologi yang mengurangkan kebimbangan kewangan, membolehkan ibu kembali bertugas dengan kestabilan mental yang optimum, sekali gus meminimumkan risiko kecelaruan emosi di tempat kerja.

## 2 Peningkatan Produktiviti & Retensi Bakat Wanita

Data menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita (KPTBW) di Malaysia kini berada di sekitar 56.3% (setakat 2023). Salah satu punca utama wanita meninggalkan sektor pekerjaan adalah kesukaran mengimbangi tanggungjawab keluarga selepas bersalin. Pemberian elaun ini meningkatkan motivasi dan kesetiaan (retention) penjawat awam wanita. Organisasi mendapat manfaat daripada tenaga kerja yang lebih fokus, berpengalaman, dan komited tanpa kehilangan bakat mahir akibat tekanan domestik.

## 3 Kelestarian Generasi Masa Hadapan Agenda Penyusuan Ibu

Sokongan kewangan ini memberi ruang kepada ibu untuk memantapkan rutin penyusuan eksklusif. Mengikut saranan WHO, penyusuan eksklusif selama 6 bulan pertama adalah kritikal. Anak yang sihat bermakna pengurangan kadar cuti kecemasan bagi ibu bapa di masa hadapan. Ini mewujudkan kitaran ekonomi yang lebih efisien melalui pengurangan beban kos kesihatan awam dan kelancaran operasi pejabat.

## 4 Merapatkan Jurang Gender & Memacu KDNK

SALWA melihat inisiatif ini sebagai instrumen ekonomi yang mampan. Apabila wanita terus kekal dalam pasaran kerja, kepakaran mereka menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Inisiatif ini membuktikan bahawa kerajaan tidak hanya melihat wanita sebagai subjek kebajikan, tetapi sebagai rakan kongsi ekonomi yang berwibawa.

## 5 Pencetus Evolusi Budaya Kerja Empati

Langkah kerajaan ini menetapkan penanda aras (benchmark) baharu bagi sektor swasta bagi menambah baik polisi mesra keluarga. SALWA mengharapkan budaya kerja yang lebih manusiawi dan fleksibel di mana produktiviti harus diukur melalui kualiti dan hasil (outcome-based), bukannya sekadar kehadiran fizikal semata-mata.

SALWA Malaysia berkeyakinan penuh bahawa Elaun Pasca Cuti Bersalin adalah pelaburan sosial yang bijaksana. Ia adalah manifestasi nyata falsafah MADANI yang meletakkan ihsan dan karamah insaniah sebagai teras pembangunan negara. SALWA akan terus komited menyokong usaha-usaha kerajaan yang mengangkat martabat wanita Malaysia demi kesejahteraan nusa dan bangsa.

## INSPIRASI SITI HAJAR: KEKUATAN WANITA DALAM PENGORBANAN

09 MEI 2026 | SABTU – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Hajah Faridah Abu Bakar Titingan (Tokoh Dakwah SALWA 2024) dan telah dihadiri seramai 100 orang di talian.



## SENTUHAN ISTIMEWA ZULHIJAH

16 MEI 2026 | SABTU – Siri Kuliah Pagi SALWA secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Dr. Nor Salimah Abu Mansor (Ketua SALWA Negeri Terengganu). Seramai 100 orang hadir di talian.



## ZIARAH MAHABBAH UKHUWAH BERSAMA WANITA NGAJI KG PASIR

08 Mei 2026 | Jumaat – Ziarah Mahabbah yang berlangsung di rumah HjH Rozihan Azizan (SALWA WP) di Bukit Antarabangsa. Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim, menyemai nilai kasih sayang serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga organisasi. Dihadiri seramai 25 orang terdiri daripada kalangan jawatankuasa SALWA dan warga tetangga daripada wanita ngaji Kg Pasir, bimbingan SALWA Wilayah Persekutuan.



## MESYUARAT PELAKSANA BENGKEL INSPIRASI KELUARGA MADANI, MENDEPANI KRISIS SOSIAL DI KALANGAN WARGA BANDAR, WILAYAH PERSEKUTUAN



**19 Mei 2026 | Selasa** – Mesyuarat membincangkan pelaksanaan bengkel pencerdasan kepada keluarga di Wilayah Persekutuan. Bengkel akan menumpukan kepada pembangunan keluarga sejahtera dalam mendepani cabaran sosial dalam keluarga Islam seperti keruntuhan akhlak, ketagihan gajet, pengaruh media sosial tanpa kawalan, kelahiran anak tak sah taraf, peningkatan peratusan perceraian, keganasan rumahtangga dan masalah kesihatan mental.

## MESYUARAT SALWA PUSAT

**24 Mei 2026 | Ahad** – Mesyuarat Jawatankuasa SALWA Pusat di Anjung Rahmat. Mesyuarat kali ini memfokuskan agenda pencerdasan keluarga Islam di Malaysia dalam mendepani krisis politik, sosial dan krisis ekonomi. Mesyuarat turut merangka pelan pembangunan kepimpinan wanita Islam bagi melahirkan lebih ramai jurubicara umat, dalam dan luar negara.

